

Wang Kertas \$5 Baru  
Lebih Selamat. Lebih Bijak. Lebih Terjamin.



# Lembaran Fakta

## Fakta (Kilang) Wang

**Wang bermula di sini.** Sejak bulan Februari 1862, Setiausaha Perbendaharaan bertanggungjawab terhadap reka bentuk yang tertera pada mata wang kertas, termasuk potret. Setiausaha Henry M. Paulson, Jr., Setiausaha Perbendaharaan pada masa ini, meluluskan reka bentuk wang kertas \$5 baru, yang telah memasuki peredaran pada 13 Mac, 2008.

**Jangka hayat.** “Purata hayat” wang kertas \$5 adalah 16 bulan dalam edaran sebelum ia diganti kerana telah menjadi haus dan lusuh.

**Bilangan wang kertas 5.** Lebih kurang 9 peratus daripada semua mata wang kertas yang dikeluarkan oleh Biro Pengukuran dan Percetakan Perbendaharaan A.S. adalah wang kertas \$5.

**Siapakah yang tertera pada wang kertas lima dolar?** Wang kertas \$5 A.S. kini menonjolkan potret Presiden A.S. Abraham Lincoln pada bahagian hadapan dan Memorial Lincoln di belakangnya. Versi lama wang kertas lima dolar menonjolkan Alexander Hamilton (1862), Andrew Jackson (1869) dan Ulysses S. Grant (1886).

**Presiden Abraham Lincoln dan Perkhidmatan Rahsia.** Semasa Lincoln menjadi presiden lebih daripada satu pertiga daripada mata wang A.S adalah wang palsu. Melalui nasihat Bendahari pada masa itu, Presiden telah menubuhkan satu suruhanjaya untuk mengatasi masalah yang meluas ini. Suruhanjaya tersebut seterusnya dikenali sebagai Perkhidmatan Rahsia Amerika Syarikat. Agensi itu yang pada asalnya bertanggungjawab untuk melindungi integriti mata wang Amerika Syarikat, pada hari ini ia merupakan sebahagian daripada Jabatan Keselamatan Tanah Air.

**Daerah ke-5 (5th District)** Bank Rizab Persekutuan Richmond adalah ibu pejabat bagi Daerah Rizab Persekutuan yang Kelima, yang merangkumi Maryland, D.C., Virginia, North Carolina, South Carolina, dan sebahagian besar daripada West Virginia. Daerah yang ke-5 mempunyai cawangan di Charlotte, N.C. dan Baltimore, Md.

**Adakah anda mempunyai sirip?** Wang kertas \$5 kadang kala dirujuk sebagai “sirip”. Istilah tersebut mempunyai akar umbi Jerman/Yiddish dan terhubung kait sedikit dengan “lima” Inggeris, tetapi ianya jarang digunakan pada hari ini berbanding pada akhir kurun ke-19 dan awal kurun ke-20.

**Potret posthumus sahaja.** Sejak tahun 1866, undang-undang A.S. telah melarang potret mana-mana orang yang masih hidup pada mata wang Amerika Syarikat.

Wang Kertas \$5 Baru  
Lebih Selamat. Lebih Bijak. Lebih Terjamin.



# Lembaran Fakta

**Kuasa berkekalan.** Potret tokoh sejarah yang sama telah ditonjolkan pada wang kertas A.S. sejak 1929.

**Apa ada pada nama?** Nama berian “hijau di belakang” bermula sebagai nama bagi Nota Segera, nota tanpa faedah yang mempunyai bahagian belakang berwarna hijau yang dikeluarkan oleh Amerika Syarikat pada tahun 1861 untuk membiayai Perang Saudara.

**Nilai lama bertahan.** Semua bentuk duit kertas yang dikeluarkan oleh kerajaan A.S. sejak 1861 dianggap wang sah dan boleh ditebus pada hari ini pada nilai muka yang penuh. Kerajaan A.S. tidak pernah menurunkan nilai mata wangnya.

**Diserikan dengan wajah feminin.** Martha Washington adalah satu-satunya wanita yang potretnya tertera pada mata wang kertas A.S. Ia telah tertera pada Silver Certificate (Sijil Perak) \$1, Siri 1886, 1891 dan 1896

**Duit paling besar.** Nota bank yang paling tinggi nilainya pernah dicetak oleh Biro Pengukuran dan Percetakan merupakan Gold Certificate (Sijil Emas) \$100,000 Siri 1934. Wang kertas ini tidak diedarkan antara orang awam, tetapi hanya dikeluarkan untuk transaksi antara bank Rizab Persekutuan dan Perbendaharaan A.S.

**“Kami Percaya Kepada Tuhan.”** Inskripsi ini mula-mula tertera pada duit syiling A.S. pada tahun 1864. Hampir satu abad kemudian, Kongres menjadikannya Moto Negara (National Motto) rasmi, dan pada hari ini penggunaannya dikehendaki oleh undang-undang pada kedua-dua duit syiling dan mata wang kertas A.S. Penggunaan moto telah banyak kali dicabar di mahkamah pada masa lalu tetapi ia telah disahkan secara konsisten oleh pelbagai mahkamah, termasuk Mahkamah Agung A.S., paling baru sekali pada tahun 1977.

**Kertas “nota” dikitar semula.** Sesetengah daripada wang kertas yang dikeluarkan daripada edaran oleh Sistem Rizab Persekutuan akhirnya menjadi kertas tulis yang dikitar semula.

**Kejang penulis!** Apabila kerajaan A.S. melancarkan pengeluaran utama mata wang kertasnya yang pertama pada tahun 1861, setiap satu daripada Nota Segera telah ditandatangani dengan tangan oleh wakil Pendaftar Perbendaharaan dan Bendahari. Amalan yang tidak praktikal ini menggesa penggubalan undang-undang yang baru yang membenarkan tandatangan Pendaftar dan Bendahari diukir dan dicetak pada mata wang. Langkah ini telah berkuat kuasa dengan pengeluaran siri pertama Nota Amerika Syarikat pada tahun 1862.

Wang Kertas \$5 Baru  
Lebih Selamat. Lebih Bijak. Lebih Terjamin.



# Lembaran Fakta

**“1” BUKAN nombor yang paling kesunyian.** Wang kertas \$1 dicetak lebih banyak dicetak berbanding mana-mana jenis mata wang yang lain – wang kertas \$1 mewakili lebih kurang 45 peratus daripada semua mata wang yang dikeluarkan oleh Biro Pengukiran dan Percetakan.

**“Tali pinggang duit” bersaiz super.** Wang kertas sebanyak lebih kurang 8 bilion yang dicetak setiap tahun memadai untuk melilit khatulistiwa bumi lebih daripada 30 kali.

**Jutaan setinggi batu.** Timbunan mata wang setinggi 1 batu akan mengandungi lebih daripada 14.5 juta wang kertas.

**Coretan berlainan untuk orang berlainan.** Jenis mata wang yang paling banyak digunakan di A.S. adalah \$1 dan \$20; pada tahap antarabangsa, ia merupakan wang kertas \$100.

**Semuanya untuk satu paun...** Anggaran berat bagi nota mata wang, tidak mengira jenisnya adalah 1 gram. Terdapat 454 gram dalam satu paun, oleh itu satu paun mata wang akan mengandungi 454 wang kertas.

**Merah, keputih-putihan dan biru.** Kertas mata wang A.S yang berwarna neutral terdiri daripada 25 peratus linen dan 75 peratus kapas. Gentian sintetik merah dan biru yang berlainan panjangnya tersebar secara sama rata pada keseluruhan kertas.

**Bahan teguh!** Anda perlu membuat dua lipatan pada nota mata wang A.S. lebih daripada 4,000 kali sebelum ia akan koyak.